

26 MAR 2001

Sukan-Sepak Takraw

INSIDEN PERGADUHAN DI TERBUKA SELANGOR BUKA MATA PSM

KUALA LUMPUR, 26 Mac (Bernama) -- Insiden pergaduhan yang membabitkan penyokong pasukan Selangor dan Kelantan akan membuka mata Persatuan Sepaktakraw Malaysia (PSM) untuk mengutamakan keselamatan pada setiap sirkit Kejohanan Sepaktakraw Grand Prix Kebangsaan musim ini.

Ini di akui sendiri oleh timbalan penyelaras kejohanan kebangsaan, Mahathir Mohamed yang menyifatkan aspek keselamatan harus diperketatkan bagi mengelak insiden itu berlaku lagi.

Insiden di Terbuka Selangor semalam masih belum diputuskan lagi bentuk tindakan yang akan diambil kerana jawatankuasa penganjur akan bermesyuarat terlebih dahulu bagi menyiapkan laporan untuk diserahkan kepada PSM.

Menurut Mahathir PSM hanya menunggu laporan insiden pergaduhan itu sebelum mengambil sebarang tindakan.

Beliau mengakui dewan yang digunakan untuk menganjurkan kejohanan itu di seksyen 19 Shah Alam memang kecil dan hanya boleh menampung 800 penonton sahaja. Pengakuan ini turut mendapat pandangan serupa daripada presiden PSM Datuk Saidin Thamby.

Menurut Mahathir, tanda-tanda akan berlaku insiden seperti itu mula dapat dilihat ketika perlawanan separuh akhir dan menyedari hakikat itu pihaknya telah meminta tuan rumah meningkatkan keselamatan tetapi tidak dilakukan.

Walau apa pun PSM hanya boleh bertindak selepas menerima laporan penuh daripada jawatankuasa penganjur.

Insiden ini juga akan memaksa PSM untuk mempertingkatkan tahap keselamatan pada Terbuka Kelantan Jun depan.

Kekecohan bermula sejurus selepas Selangor memperolehi mata kemenangan 2-1 pada regu penentuan di Dewan Majlis Bandaraya Shah Alam di Seksyen 19 Shah Alam semalam.

Kekecohan berlaku selama kira-kira 10 minit sebelum disuraikan oleh sebilangan kecil anggota polis yang dipanggil masuk ke dewan untuk mententeramkan keadaan.

Ia dikatakan berpunca daripada penyokong pasukan tuan rumah yang membaling botol air mineral ke arah penyokong Kelantan yang kemudian bertindak balas dengan membaling kerusi ke arah lawan.

--BERNAMA

AHA ZB